

UPM diiktiraf kedudukan ke-27 kampus lestari

UTUSAN MALAYSIA
31/1/2018 p. 20

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mencatat sejarah negara apabila tersenarai pada kedudukan ke-27 terbaik dunia dalam penarafan *UI-Greenmetric World University Ranking 2017* berdasarkan usaha kelestarian kampus dan pengurusan alam sekitarnya.

Keputusan itu juga menjadikan UPM berada pada kedudukan ketiga Asia, kedua di Asia Tenggara dan mengekalkan kedudukan pertama dalam negara selama lapan tahun berturut-turut sejak ranking itu diperkenal pada tahun 2010.

Penarafan yang mengukur komitmen setiap universiti membangunkan infrastruktur mesra persekitaran itu berjaya menarik perhatian 619 universiti seluruh dunia untuk menyertainya.

Empat universiti tempatan yang mendapat kedudukan 100 terbaik adalah Universiti Malaya pada kedudukan ke-34, Universiti Malaysia Sabah (37), Universiti Teknologi Malaysia

(66) dan Universiti Utara Malaysia (83).

Ranking UI-Greenmetric yang menilai usaha kelestarian alam sekitar itu mempunyai lebih daripada 40 indikator meliputi enam skop utama iaitu keluasan tanah dan infrastruktur (15 peratus), tenaga dan perubahan iklim (21 peratus), sisa buangan (18 peratus), air (10 peratus), pengangkutan (18 peratus) dan pendidikan (18 peratus).

Mengulas pengiktirafan tersebut Naib Canselor UPM, **Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris** berkata, kejayaan itu merupakan komitmen UPM terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar melalui pelbagai aktiviti pengajaran, penyelidikan, kurikulum dan sistem pengurusan kualiti berteraskan pengurusan yang

berkesan.

"UPM mencatatkan peningkatan terutama dalam indikator pengangkutan dan infrastruktur seperti saiz dan infrastruktur keluasan tanah hijau selain penggunaan tenaga yang cekap serta peningkatan fasiliti dan penggunaan basikal di kampus," katanya.


Keputusan yang dikeluarkan pada 13 Disember 2017 itu menyaksikan universiti-universiti dari Amerika dan Eropah mendominasi kedudukan 20 teratas.

Pada Mei lalu, usaha UPM memperkasa kelestarian kampus hijau juga membolehkan universiti berkenaan memenangi Anugerah Kursi Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan menerima geran berjumlah RM300,000 untuk tempoh tiga tahun sempena Konvensyen Kelestarian Kampus Hijau.

Info lanjut <http://greenmetric.ui.ac.id/overall-ranking-2017/>.



AINI IDERIS



PEMANDANGAN kampus UPM yang dipenuhi dengan kehijauan.